



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR (PMKL)

SESI I: 2023/2024

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1.0 Maklumat Am

1.1 Pengenalan	3
1.2 Kemudahan tempat tinggal	3

2.0 Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu

2.1 Peringatan Penting	4
2.2 Proses Pendaftaran	5
2.3 Jadual Yuran Pengajian	6-7
2.4 Kaedah Bayaran Yuran Pengajian	8-9

3.0 Maklumat Tambahan Pendaftaran Pelajar Baharu

3.1 Pra Pendaftaran Secara Dalam Talian/Bantuan Kewangan	10
3.2 Sahsiah Rupa Diri Semasa Kuliah, Lapor Diri dan MHS	11-13
3.6 Jadual Pendaftaran Mengikut Program	14
3.7 Maklumat Terperinci Dokumen Pendaftaran	15-16
3.8 Telegram Pelajar Baharu PMKL	16

Lampiran

Senarai Semak Pelajar Sebelum Hadir Mendaftar	17-18
---	-------

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 PENGENALAN

Visi Politeknik Malaysia:
Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

Misi Politeknik Malaysia:

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) tidak menyediakan kemudahan kolej kediaman atau kamsis. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan, Politeknik METrO Kuala Lumpur memudahcara urusan pelajar yang mencari tempat penginapan dengan menyediakan beberapa cadangan rumah sewa yang berdekatan lokasi politeknik.

- i. Kos sewaan dan keperluan peribadi di rumah sewa adalah tanggungan pelajar sendiri
- ii. Senarai rumah sewa boleh dirujuk di portal <https://pmkl.mypolycc.edu.my> di bahagian maklumat pendaftaran pelajar baharu.



2.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I : 2023/2024

2.1 PERINGATAN PENTING

Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:

- i. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan kewarganegaraan.
- ii. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan).
- iii Seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), dan (iii) tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.

- 2.1.1 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik dengan **SEGERA** sekiranya didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk Borang HEP 2 di <http://ambilan.mypolycc.edu.my>


1. Diploma Pengurusan Peruncitan
2. Diploma Pengurusan Hotel
3. Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)

***Syarat bagi SEMUA program ini adalah calon tidak buta warna.**

2.1.2

Pelajar dikehendaki **mencetak surat tawaran terkini** di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk **simpanan sendiri sehingga tamat pengajian.**

2.2 PROSES PENDAFTARAN



2.3 JADUAL YURAN PENGAJIAN PELAJAR BAHARU SESI I: 2023/2024

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	200.00	Melalui JomPAY (Akaun Simpanan / <i>Saving Account</i> Sahaja) Bayar melalui JomPAY secara online banking/mobile banking. *rujuk tatacara terperinci bayaran di m/s 8-9 Biller Code Name : PMKL Biller Code : 987974 <i>Reference 1:</i> Nombor Kad Pengenalan Pelajar (terhad kepada 20 aksara tanpa sempang) <i>Reference 2:</i> Nombor Telefon Pelajar (terhad kepada 20 aksara tanpa sempang)
2	Bayaran Pelbagai Item bayaran : a. Perlindungan Insurans Pelajar. b. Kelengkapan MHS - Kad Pelajar - Lanyard & 'Card Holder' - Baju T Sukan/Koku - Baju Sukarelawan YES - Baju Korporat	300.00	Bank : MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK) No.Akaun : 562188304569 Kaedah Bayaran : Pindahan Wang/Fund Transfer sahaja (Internet Banking) Bayar atas akaun: KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BHD *Sila nyatakan No Kad Pengenalan Pelajar sebagai rujukan/reference semasa membuat bayaran
3	Bayaran MSP (Majlis Sukan Politeknik)	40.00	Bank : BANK ISLAM MALAYSIA No.Akaun : 04033010018727 Kaedah Bayaran : Pindahan Wang/Fund Transfer sahaja (Internet Banking) Bayar atas akaun : TETUAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK *Sila nyatakan No Kad Pengenalan Pelajar sebagai rujukan/reference semasa membuat bayaran

4	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor di klinik kerajaan/swasta ditanggung oleh pihak pelajar.
---	---


PERINGATAN :

- a. Terdapat **3 JENIS BAYARAN YURAN** yang perlu dilunaskan oleh pelajar. Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran. **SILA PATUHI ARAHAN YANG DITETAPKAN DALAM JADUAL BAYARAN (m/s 6).**
- b. Setiap resit **bayaran yuran (yuran pengajian, bayaran pelbagai dan bayaran MSP)** hendaklah dicetak dan dibawa semasa hari pendaftaran sebagai **bukti pembayaran**
- c. Pelajar dikehendaki menjelaskan yuran pengajian terlebih dahulu dalam **tempoh 2 (dua) hari sebelum** membuat pra pendaftaran pelajar baharu secara dalam talian (online) di <http://spmp.pmkl.edu.my>.
- d. Pelajar **DIWAJIBKAN mempunyai akaun bank (simpanan) sendiri** untuk kemudahan bantuan kewangan dan yang berkaitan. Pelajar **AMAT DIGALAKKAN** untuk membuka akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk memudahkan urusan pembayaran yuran pengajian untuk semester seterusnya.

2.4 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN


(pembayaran Yuran Pengajian melalui JomPAY)

Langkah 1: Log Masuk ke Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking*



The image shows the MyBANK mobile banking login interface. At the top is the MyBANK logo. Below it, the text "Hello," is followed by "Please key in your username:" and a text input field. Below that is "Please key in your password:" and another text input field.

Langkah 2: Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*




The image shows the MyBANK mobile banking home screen. At the top is the MyBANK logo. Below it is a navigation bar with tabs: "My Accounts", "Transfer", "Top Up", "Claim", "Mobile", "Pay Bills", and a blue tab on the right. Below the navigation bar, the text "Hi TOM TANKS!" is displayed. In the center, there are three buttons: "View Accounts", "Mailbox", and "Special Offers". On the right side, there is a "Pay Bills" menu with three options: "Open Payment", "Favourite Payment", and "JomPAY". A mouse cursor is pointing at the "JomPAY" option.

Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

- i) *Biller Code* : **987974**
- ii) *Reference 1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar* (terhad kepada 20 aksara tanpa sempang)
Contoh : 0606291454**
- iii) *Reference 2: Nombor Telefon Pelajar* (terhad kepada 20 aksara tanpa sempang)
Contoh : 01075525**
- iv) Jumlah: **RM 200 sahaja.**
- v) **Sila pastikan biller code, amaun dan MAKLUMAT PELAJAR adalah TEPAT sebelum membuat penghantaran (submit).**


Langkah 4: Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran



The screenshot shows the JomPAY interface for confirming a payment. It includes the JomPAY logo, the source account (745839932 - Savings Account), biller details (Biller Code: 3830 - MyCOMPANY SDN BHD, Ref-1: 83748222), and the payment amount (RM) 230.00. At the bottom, there are 'Back' and 'Confirm' buttons. Blue arrows on the right point to specific fields with labels: 'billercode and billercodename' points to the biller code, 'rrn' points to the reference number, 'amount' points to the payment amount, and 'confirm' points to the Confirm button.

JomPAY	From : 745839932 – Savings Account
Biller Code : 3830 - MyCOMPANY SDN BHD	
Ref-1 : 83748222	
Amount (RM) : 230.00	
Back	Confirm

Langkah 5: *Unique JomPay Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



The screenshot shows the JomPAY interface after a successful transaction. It displays the status as 'Successful' and repeats the transaction details from the previous screen. Additionally, it provides the 'JomPAY Reference No.' (9JD72KF9) and the 'Bank Reference No.' (1836008). At the bottom, there are 'OK' and 'Print' buttons. Blue arrows on the right point to specific fields with labels: 'billercode and billercodename' points to the biller code, 'rrn' points to the reference number, 'amount' points to the payment amount, and 'nbpsref' points to the JomPAY Reference Number.

JomPAY	Status : Successful
From : 745839932 – Savings Account	
Biller Code : 3830 - MyCOMPANY SDN BHD	
Ref-1 : 83748222	
Amount (RM) : 230.00	
Date & Time : 28-FEB-2014 08:17:06 AM	
JomPAY Reference No. : 9JD72KF9	
Bank Reference No. : 1836008	
OK	Print

Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

3.0 MAKLUMAT TAMBAHAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Lokasi Politeknik METrO Kuala Lumpur adalah bertempat di Setiawangsa, Kuala Lumpur. Pastikan tiket parkir DBKL dibayar sekiranya hadir menaiki kenderaan sendiri, parkir kenderaan di kotak parkir yang ada di sekitar politeknik serta tidak menghalang kenderaan orang awam lain.

3.1 PRA-PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DALAM TALIAN (ONLINE)

Sila layari laman url <http://spmp.pmkl.edu.my> untuk membuat pra pendaftaran pengajian mulai **03 September 2023** atau selepas **dua (2) hari** anda selesai menjelaskan bayaran **Yuran Pengajian**. Bagi mengelakkan kerumitan semasa hari pendaftaran, saudara/i amat digalakkan membuat pendaftaran secara dalam talian (online) di <http://spmp.pmkl.edu.my> dengan lebih awal.

Cetak Slip **Pengesahan Pendaftaran Online** untuk simpanan pelajar dan bawa semasa hari pendaftaran.

BANTUAN KEWANGAN

Politeknik METrO Kuala Lumpur **TIDAK** menjamin sebarang bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tawaran biasiswa/pinjaman adalah di luar bidang kuasa Politeknik.

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alat pembelajaran, buku dan lain-lain.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

KAEDAH PERMOHONAN PTPTN (SECARA ONLINE)

- i. Pemohon hendaklah memohon pinjaman PTPTN secara online melalui laman web pinjaman online di alamat: <http://www.ptptn.gov.my/gateway/>
- ii. Sebelum membuat permohonan secara online, pemohon perlu mendapatkan maklumat terperinci di laman web <http://www.ptptn.gov.my/gateway/>
- iii. Pelajar-pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur yang memohon dikehendaki untuk meletakkan nombor akaun Bank Islam Malaysia Berhad dan membeli no pin permohonan PTPTN di Bank Simpanan Nasional. Garis panduan permohonan online seperti di laman web <http://www.ptptn.gov.my/>

SAHSIAH DAN RUPA DIRI

Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam digalakkan berpakaian menutup aurat.

Semua jenis pakaian yang ketat/menjolak mata adalah dilarang.

Semua pelajar diwajibkan memakai **baju T berkolar/baju T Kokurikulum** dan seluar trek (track bottom) dan kasut yang bersesuaian **semasa aktiviti kokurikulum/sukan**.

Panduan Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Semasa Menghadiri Kuliah dan aktiviti di Kampus:

BAJU KEMEJA BERLENGAN PANJANG, BERTALI LEHER, BERKASUT dan BERTSTOKIN sepanjang sesi perkuliahan.

Pelajar hendaklah sentiasa kemas, bersih, dan sopan. Pelajar Islam diwajibkan berpakaian menutup aurat.

3.2 RUPADIRI PELAJAR LELAKI

3.2.1 Pakaian ke Kelas/Bengkel/Makmal

- Baju kemeja berleengan panjang.
- Baju “T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju “T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- Berseluar “slack”.
- Berkasut (sepatu) dan berstokin.
- Selipar, terompah, kasut sukan/sneakers, ‘loafers’, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
- Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.

3.2.2 Rambut

- Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, “mohawk”, berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.

RAMBUT HENDAKLAH SENTIASA KEMAS DAN



TIDAK
MELEBIHI
KOLAR BAJU



11 TIDAK
MENUTUPI
TELINGA



TIDAK
MENUTUPI
DAHI

3.3 RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

3.3.1 Pakaian Ke Kelas/Bengkel/Makmal

- i. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan.
- ii. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai “skirt” yang lebih pendek dari paras lutut.
- iii. Baju “T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik.
- iv. Baju “T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- v. Berseluar yang tidak ketat.
- vi. Selipar, terompah, kasut bertumit tinggi (yang runcing) **TIDAK** dibenarkan. Kasut yang berladam logam yang berbunyi juga **TIDAK** dibenarkan.

3.3.2 Rambut

- a. Rambut hendaklah kemas. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.
- b. Pelajar Islam diwajibkan memakai tudung.

3.3.3 Perhiasan

Memakai barang kemas yang berlebihan **TIDAK** digalakkan

3.4 PAKAIAN UNTUK RIADAH

Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti dan persekitaran.

Penampilan Rupadiri Pelajar Lelaki/Pelajar Perempuan di Politeknik

LELAKI				PEREMPUAN			
							
KEMEJA BERLENGAN PANJANG/ PENDEK		BAJU MELAYU	BAJU JENIS T-SHIRT BERKOLAR DAN BERLENGAN PENDEK	BAJU KURUNG		BAJU KURUNG MODEN	BAJU KASUAL

3.5 PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA HARI PENDAFTARAN DAN SEPANJANG MINGGU HALUAN SISWA (MHS)

- a) Pelajar lelaki **DIWAJIBKAN** memakai kemeja **PUTIH** lengan panjang, berseluar slack panjang berwarna **HITAM** (jeans tidak dibenarkan), berstoking, bertali leher warna gelap dan berkasut hitam (sepatu) semasa mendaftar dan sepanjang menjalani Minggu Haluan Siswa.
- b) Pelajar perempuan **DIWAJIBKAN** memakai baju kurung **PUTIH** dan berkain **HITAM**, bertudung hitam (bagi yang beragama Islam), berstoking, berkasut tutup hitam/gelap dan semasa mendaftar dan sepanjang menjalani Minggu Haluan Siswa.
- c) Pelajar-pelajar lelaki hendaklah memakai **seluar panjang/slack dan baju kemeja putih**. Pelajar-pelajar perempuan (Islam) hendaklah berpakaian kemas dan menutup aurat. Bagi pelajar-pelajar bukan Islam hendaklah memakai pakaian yang bersih, kemas dan tidak menjolok mata. Pakaian yang ketat, jarang pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang adalah **tidak dibenarkan**.
- d) **Berkasut dan berstoking.**
*('loafers', 'sneakers', 'stilettos' atau kasut sukan tidak dibenarkan)



*Contoh kasut hitam pelajar perempuan



*Contoh kasut/sepatu hitam pelajar lelaki

- e) Rambut* mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah pendek. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- f) Topi, baju-T, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan (track bottom) **adalah dilarang**. (*Sila rujuk Maklumat am – Perkara 3 – Sahsiah dan Rupadiri)
- g) Pelajar **dikehendaki membawa sendiri pen, memakai pelitup muka sekiranya perlu (face mask) semasa pendaftaran.**

Contoh Sahsiah Rupa Diri
Pelajar Baharu PMKL
semasa hari pendaftaran dan
sepanjang Minggu Haluan
Siswa (MHS)



3.6 JADUAL PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I: 2023/2024 POLITEKNIK METRo KUALA LUMPUR

Program	Tarikh Pendaftaran	Masa & Tempat Pendaftaran
Diploma Pengurusan Hotel (DHM)	04 September 2023 (Isnin)	10.00 pagi - 11.30 pagi (Perpustakaan – Aras 3)
Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT)		
Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM)		

Maklumat penting:

Untuk kelancaran proses pendaftaran, saudara/i amat digalakkan membuat pra-pendaftaran secara dalam talian (online) di <http://spmp.pmkl.edu.my> dengan lebih awal bermula **03 September 2023**. Bayaran yuran pengajian boleh dibuat seawal **30 Ogos 2023**. Pra pendaftaran secara dalam talian (online) di <http://spmp.pmkl.edu.my> hanya boleh dilakukan **selepas tempoh dua (2) hari bayaran yuran dibuat**.



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan dibawah dengan teliti supaya urusan supaya pendaftaran secara dalam talian berjalan dengan lancar. **Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.**

HARI PENDAFTARAN

Anda hendaklah hadir untuk mendaftar diri sebagai pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur pada hari dan waktu seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan. Jika anda tidak mendaftar pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan bermakna anda menolak tawaran ini.

3.7 PERKARA-PERKARA YANG WAJIB DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN:

3.7.1 **Dokumen-dokumen ASAL** yang berikut (untuk semakan pegawai pendaftaran)

- a) Kad Pengenalan,
- a) Surat Tawaran ke Politeknik,
- b) Sijil atau slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPM(V),
atau Sijil Kolej Komuniti/SKM yang mana berkaitan
- c) Sijil Berhenti Sekolah,
- d) Dokumen kokurikulum yang berkaitan
(terutamanya yang mewakili Negara dan negeri)

3.7.2 **Borang-borang pendaftaran** berikut yang **TELAH LENGKAP** di isi, ditandatangani dan disahkan iaitu:

- i. Borang Maklumat Peribadi pelajar – **BHEP 1**,
- ii. Laporan Pemeriksaan Doktor – **BHEP 2**,
- iii. Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga untuk Rawatan Pembedahan – **BHEP 3**,
- iv. Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung – **BHEP 4**,
- v. Akuan Pelajar **BHEP 5**,
- vi. Aku Janji Pelajar **BHEP 6**
- vii. Borang **MSP**

Bagi pelajar yang telah pos/serah BHEP 1-6 terlebih dahulu, anda tidak perlu menyediakan kembali dokumen kerana pihak politeknik telah menerima dokumen tersebut.

3.7.3 Bayaran **yuran pengajian (RM200 sahaja)** melalui **JomPAY** hendaklah dilakukan **seawal 30 Ogos 2023 dan selewat-lewatnya pada 03 September 2023 (Ahad)** untuk memudahkan pendaftaran online berjalan lancar di <http://spmp.pmkl.edu.my>. Sila simpan salinan asal slip bank sebagai bukti pembayaran.

- 3.7.4 **Bayaran Pelbagai secara fund transfer (RM300 sahaja) di Maybank atas nama Koperasi PoliMETrO Kuala Lumpur Bhd.** Sila rujuk jadual bayaran di m/s 6

Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah mempunyai surat pengesahan penajaan yang asal. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar semasa pendaftaran.

- 3.7.6 **Bayaran MSP secara fund transfer (RM40 sahaja) di Bank Islam Malaysia atas nama Tetuan Majlis Sukan Politeknik.** Sila rujuk jadual bayaran di m/s 6

- 3.7.6 Slip Pengesahan Pra Pendaftaran Online pelajar baharu yang dicetak dari <http://spmp.pmkl.edu.my>.

- 3.7.7 **Tiga (3) keping gambar berwarna yang terkini berukuran passport. Gambar pelajar ini hendaklah dimuat naik semasa pra-pendaftaran online.** Gambar ini digunakan untuk cetakan kad pelajar dan simpanan Fail Peribadi Pelajar di politeknik.

Semua **pelajar lelaki wajib berkemeja berkolar dan berambut pendek** ketika bergambar. Pelajar perempuan pula berpakaian yang tidak mendedahkan bahagian bahu dan pelajar perempuan Islam **diwajibkan bertudung**. Sila catatkan nama, no. kad pengenalan dan program anda di belakang setiap keping gambar.

3.8 TELEGRAM - INTAKE PMKL SESI I: 2023/2024

Semua pelajar baharu PMKL DIWAJIBKAN menyertai group telegram ini untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan pendaftaran dan Minggu Haluan Siswa dari semasa ke semasa.

Sila klik link untuk menyertai group telegram ini di <https://t.me/+F7BBbQfbQPYwMmY1> (INTAKE PMKL Sesi I: 2023/2024)

SENARAI SEMAK PELAJAR SEBELUM HADIR MENDAFTAR

Dokumen-dokumen berikut mesti dibawa dan diserahkan pada hari pendaftaran. Dokumen pendaftaran yang telah lengkap diisi dan perlu disusun mengikut tertib/aturan. **Setiap dokumen mestilah di cetak pada satu muka kertas untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No.Pendaftaran : _____

Sila sertakan dokumen dalam **saiz A4** (pastikan mengikut susunan berikut)

Bil	Borang Maklumat Pelajar		Tindakan Calon (√)
1	Gambar bersaiz passport berwarna mengikut sahsiah rupa diri pelajar (3 keping)		
2	Slip Pengesahan Pendaftaran Online Sesi I : 2023/2024 (cetak dari smpm.pmk1.edu.my)		
3	Kad Pengenalan Pelajar		
4	Surat Tawaran Politeknik – sila simpan sesalinan sehingga tamat pengajian		
5	Sijil atau Slip SPM asal		
6	Sijil/Transkrip KK/SKM/IKM asal *jika berkaitan		
7	Sijil Berhenti Sekolah asal		
8	Maklumat Peribadi Pelajar	BHEP 1	
9	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian A :	BHEP 2	
10	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian B :	BHEP 2	
11	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian C :	BHEP 2	
12	Laporan Pemeriksaan Kesihatan Bahagian D :	BHEP 2	
13	Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga)	BHEP 3 a	
14	Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar)	BHEP 3 b	
15	Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga untuk Rawatan Pembedahan	BHEP 4	
16	Aku Janji Pelajar	BHEP 5	
17	Borang Pengesahan Pendapatan Bapa	BHEP 6 a	
18	Borang Pengesahan Pendapatan Ibu	BHEP 6 b	
19	Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga & Borang MSP	BHEP 6 c	
20	Cetakan Slip Bank Yuran Pengajian JomPAY (RM200) – (Jadual Yuran - rujuk m/s 6)		
21	Cetakan Slip Bank (RM300) untuk Bayaran Pelbagai		
22	Cetakan Slip Bank (RM40) untuk Bayaran MSP		
23	Cetakan Salinan Akaun Bank Pelajar		
24	Hadir mendaftar mengikut sahsiah rupa diri pelajar, tarikh dan masa yang ditetapkan (rujuk m/s 13)		

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. Borang-borang ini boleh didapati di bahagian semakan calon di portal <http://ambilan.mypolycc.edu.my>. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan / swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. **Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:**
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
 - b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
 - c. Pengetua Sekolah Menengah
 - d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
 - e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
 - f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
 - g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
 - h. Wakil Rakyat
 - i. Pengamal Undang-undang
 - j. Pesuruhjaya Sumpah
 - k. Jaksa Pendamai
 - l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)



UNIT HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR

No 2-14, 2-14, Jalan Setiawangsa 10
Taman Setiawangsa
54200 Kuala Lumpur
Tel : 03 -4251 8000
Faks : 03 4251 7979

Laman Web : pmkl.mypolycc.edu.my
Instagram : [polimetrokualalumpur](https://www.instagram.com/polimetrokualalumpur)
Facebook : Politeknik METRO Kuala Lumpur